

Kebebasan bersuara bukan untuk tipu, sebar fitnah - PM

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi peringatan kepada mana-mana pihak agar tidak menggunakan kebebasan bersuara untuk menipu atau menyebarkan fitnah membabitkan cadangan Rang Undang-Undang (RUU) Pembaharuan Semula Bandar (URA).


Perdana Menteri berkata, ini kerana RUU berkenaan bertujuan untuk melaksanakan pembangunan semula dan membantu penghuni-penghuni yang majoritinya miskin.

“Biarlah munasabah, ini isu pembangunan bandar, pemuliharaan bandar. Kita hendak tolong penghuni-penghuni yang miskin majoritinya Melayu, jadi kawasan itu kita hendak bangun semula, yang dia hendak bantah sebab apa?”

“Oh ini hak Melayu, sejak bila kamu perjuangankan? Bila kamu perintah dahulu tidak ada pun usaha untuk membangunkan kawasan orang miskin, flat-flat lama termasuk orang Melayu di bandar, kita hendak usahakan.”

“Sebab itu saya hendak bagi ingatan jangan guna kebebasan ini untuk menipu dan memfitnah apa lagi atas nama Islam dan Melayu. Kita hendak bangun orang Melayu, kamu hanya dengki dan hasad. Sebenarnya penyakit mereka ini penyakit hasad dengki, tidak boleh tengok orang senang dan tidak boleh tengok projek-projek yang baik,” katanya.

Anwar berkata demikian ke-



ANWAR Ibrahim meletakkan logo Singgah MADANI pada Majlis Peletakan Logo di Restoran Nasi Kandar Ali Maju Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

tika ditemui pemberita selepas melancarkan logo Program Singgah Madani dan makan tengah hari di Restoran Nasi Kandar Liga Maju, di sini semalam.

Terdahulu, Anwar menunaikan solat Jumaat bersama warga dan pelajar sekolah di Masjid Sekolah Sultan Alam Shah (SAS), Presint 1.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kerajaan akan menggunakan RUU itu untuk melaksanakan pembangunan semula tanpa mengeneipkan atau menyisihkan sesiapa.

“(Mereka) tak pernah pergi seperti Kampung Kerinchi, Flat Sri Perlis dan sebagainya. Itu terlalu daif (keadaan) dan saya tidak mahu umpamanya dan seluruh pembangunan sekarang kita ketepikan atau sisihkan kedudukan orang-orang miskin.”

“Tanggungjawab kita gunakan undang-undang ini untuk melaksanakan pembangunan semula,” katanya.

Ketika berucap pada Konvensyen Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP)

Negeri Kedah 2025 semalam, Anwar menegaskan akan melawan pihak yang merancang untuk mengadakan perhimpunan besar-besaran bagi membantah cadangan kerajaan memperkenalkan Akta Pembaharuan Semula Bandar (URA).

Sebelum ini, Timbalan Ketua Pemuda Pas, Mohd Hafez Sabri dalam kenyataan berkata, pihaknya merancang untuk mengadakan satu himpunan besar-besaran demi menunjukkan bantahan dan ketegasan dalam isu itu.